



NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA 2/2019

KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN EIA JADUAL PERTAMA YANG DINILAI DI JAS NEGERI SECARA *SOFT COPY* KE IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR

Tuan/Puan,

Sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam *Table 5.1 EIA Report Submission Requirements, Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia* (EGIM), Laporan EIA **Jadual Pertama** yang dikemukakan oleh pihak Penggerak Projek melalui perunding EIA kepada JAS Negeri perlu dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat dengan kuantiti minimum satu (1) *hardcopy* dan satu (1) *softcopy*.

Dalam usaha menambahbaik prosedur EIA, sukacita dimaklumkan, Jabatan telah menetapkan bagi Laporan EIA Jadual Pertama yang dinilai di JAS Negeri, Laporan EIA tersebut **hanya perlu disalinkan kepada Ibu Pejabat JAS dalam bentuk *softcopy* iaitu dalam bentuk *thumb drive* atau pun *compact disc (CD)* sahaja**. Tiada lagi keperluan untuk menyalinkan Laporan EIA Jadual Pertama tersebut dalam bentuk *hardcopy* kepada Ibu Pejabat JAS.

Sehubungan dengan ini, semua jururunding dipohon untuk mengambil maklum akan keperluan yang telah ditetapkan ini. Pelaksanaan ini berkuatkuasa dari tarikh Notis ini dikeluarkan.

Sekian, dimaklumkan.

**JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

14 Jun 2019

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia
Skim Pendaftaran Jururunding EIA
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 W.P. PUTRAJAYA

Emel : skeia@doe.gov.my
Tel : 03-8871 2158/2169